AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : NASIONAL

'Siasat makmal tawar saringan secara pandu lalu'

Putrajaya: Kementerian Kesihatan (KKM) perlu menyiasat makmal persendirian yang menawarkan perkhidmatan ujian saringan COVID-19 secara pandu lalu.

Presiden Persatuan Perubatan Malaysia (MMA), Prof Datuk Dr M Subramaniam, berkata makmal bukan kemudahan kesihatan, berbeza dengan hospital kerajaan dan swasta.

Berdasarkan panduan KKM, katanya, ujian COVID-19 oleh pihak swasta hanya boleh dilakukan klinik swasta, pusat penjagaan yang mempunyai kemudahan ambulans dan di hospital swasta.

"Apa yang membimbangkan ialah bagaimana makmal dibenarkan menjalankan ujian calitan kerana ia bukan kemudahan kesihatan," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Dr Subramaniam merujuk laporan mengenai seorang pesakit COVID-19 berusia 49 tahun yang disahkan positif pada 5 Januari lalu selepas menjalani ujian saringan secara pandu lalu kendalian pihak swasta.

Laporan berkenaan menyebut, wanita itu bersama lima ahli keluarganya termasuk ibu dan bapa mentua berusia 78 tahun turut disahkan positif.

Bagaimanapun, selepas tiga hari disahkan positif, tiada petugas kesihatan menghubungi keluarga itu, selain tidak menerima panduan atau dihubungi semula oleh pihak swasta yang menjalankan ujian pandu lalu itu, mahupun ambulans dihantar mengambil anggota keluarga bergejala ke hospital.

Dr Subramaniam berkata, berdasarkan laporan itu, protokol sewajarnya dalam pengendalian kes disahkan positif COVID-19 ketara tidak dipatuhi.

Beliau berkata, ia juga berkemungkinan punca Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) tidak dimaklumkan, seterusnya menyumbang kepada kesukaran mendapatkan ambulans serta bantuan perubatan.

"KKM menetapkan tanggungjawab pusat perubatan swasta ialah terus melapor kes positif yang disahkan kepada PKD, selain perlu memastikan urusan selanjutnya dibuat.

"Ia membabitkan arahan seterusnya daripada KKM dan penghantaran ambulans untuk mengambil pesakit.

"Tanggungjawab tidak selesai sehingga pesakit dihantar ke hospital, namun dalam kes ini makmal bukan pusat kesihatan swasta, justeru ia tidak sepatutnya dibenarkan menyediakan perkhidmatan ujian saringan COVID-19.

"KKM perlu memberi penjelasan dalam memastikan kawalan dan pencegahan jangkitan mengurusskan kes positif baharu," katanya.

Penularan COVID-19

***Anggota barisan hadapan memakai** pakaian perlindungan diri menguruskan pendaftaran masuk di pusat kuarantin sementara di Jalan Tunku Abdul Rahman, semalam.* (Foto Asyraf Hamzah/BH)

Kes dijangka reda akhir tahun ini

Suntikan vaksin beri kesan dalam tempoh tiga bulan

Oleh Luqman Arif Abdul Karim
luqman.arif@bh.com.my

Kuala Lumpur: Masyarakat perlu terus berdepan pandemik COVID-19 sekurang-kurangnya hingga akhir tahun ini selepas lebih 80 peratus penduduk menerima suntikan vaksin.

Ia berikutan kes jangkitan COVID-19 dijangka mula merekodkan penyusutan tiga bulan selepas program pemvaksinan dilakukan.

Pakar virologi dari Universiti Sains Malaysia (USM), Prof Madya Dr Yahya Mat Arip, berkata unjuran itu bermakna masyarakat hanya mampu menarik nafas lega daripada kesan pandemik menjelang akhir tahun ini.

Katanya, imuniti kelompok yang bakal diperoleh Malaysia itu bagaimanapun tertakluk kepada kadar keberkesanan vaksin dan program pelalian kendalian Kementerian Kesihatan (KKM).

"Berdasarkan rekod dan laporan semasa, kita mempunyai tiga kelompok utama yang bakal menerima vaksin iaitu petugas barisan hadapan yang paling diberi keutamaan.

"Ia diikuti dua golongan lagi dan tidak termasuk mereka yang berusia bawah 18 tahun, justeru beberapa andaian berhubung imuniti kelompok berupaya diunjurkan.

"Mengikut perkiraan kasar, tiga kelompok itu masing-masing memerlukan tempoh sebulan selepas menerima dua dos suntikan vaksin untuk menghasilkan antibodi.

> ***Kes COVID-19 di Malaysia dijangka reda menjelang akhir tahun ini sekiranya kita sekadar meletakkan sandaran atau harapan kepada vaksin.***
>
> ***Dr Yahya Mat Arip,** Pakar virologi dari USM*

"Maka kes COVID-19 di Malaysia dijangka reda menjelang akhir tahun ini sekiranya kita sekadar meletakkan sandaran atau harapan kepada vaksin," katanya ketika dihubungi *BH*, semalam.

Kadar jangkitan COVID-19 di Malaysia kelmarin merekodkan angka tertinggi terbaharu apabila menjangkau 4,029 kes dengan lapan kematian.

Perangkaan membimbangkan itu dicatat ketika kerajaan melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di tujuh negeri iaitu Pulau Pinang, Selangor, Wilayah Persekutuan (Kuala Lumpur, Putrajaya, Labuan), Melaka, Johor, Sabah dan Kelantan, yang berkuat kuasa dari 13 hingga 26 Januari ini.

Meskipun Malaysia bertekad kembali melaksanakan PKP, suasana perintah berkenaan ternyata berbeza apabila pelbagai sektor dan kegiatan ekonomi dibenarkan beroperasi, malah rangkaian kelonggaran diberikan kepada masyarakat.

Meneliti perkembangan sedemikian, Yahya menolak kemungkinan Malaysia berupaya kembali melaksanakan PKP seperti fasa pertama bermula 18 Mac lalu kerana ia mengundang kesan amat teruk terhadap ekonomi dan kehidupan masyarakat.

Sehubungan itu, katanya, matlamat untuk melandaikan lengkuk penularan jangkitan COVID-19 dengan meletakkan sandaran kepada pematuhan prosedur operasi standard (SOP) ketika PKP kali kedua sukar dicapai.

"Tidak dinafikan majoriti masyarakat patuh pada SOP, tetapi mengapa kita masih mencatatkan jumlah kes positif yang semakin meningkat saban hari?

"Kita boleh simpulkan kepada beberapa bahagian iaitu kemungkinan kegiatan ekonomi dan kelonggaran diberi tidak membantu ke arah matlamat melandaikan lengkuk penularan jangkitan.

"Kedua, peningkatan kadar jangkitan tercetus berikutan aktiviti pengesanan dan saringan yang sangat aktif di lapangan, namun ia tidak diterjemahkan dalam bentuk perangkaan supaya dapat jelas ditafsirkan kepada masyarakat.

"Oleh itu, jika nak landaikan lengkuk penularan jangkitan, kita tiada pilihan selain mengembalikan PKP seperti fasa pertama dan terpaksa 'telan' kesan negatif terhadap ekonomi serta kehidupan masyarakat," katanya.